

KONSEP KELUARGA IBU BAPA TUNGGAL

Dr. Fatimah Abdullah
(Malaysia)

Pengenalan

Sebuah keluarga yang ideal selalunya terdiri daripada pasangan suami isteri dan anak-anak hasil daripada perkahwinan mereka atau kerana pengambilan anak angkat. Selain daripada melaksanakan peranan sebagai suami isteri, mereka juga melaksanakan peranan sebagai ibu bapa. Antara anak-anak pula wujud peranan sebagai adik-beradik, iaitu abang-kakak-adik. Keluarga yang tidak ada salah seorang daripada ahli-ahli yang disebutkan itu dianggap sebagai keluarga tidak normal atau “keluarga tidak lengkap” (incomplete family). Ini kerana apabila salah seorang daripada ahlinya tidak ada maka fungsi keluarga yang harus dimainkan itu tidak dapat dipenuhi. Keadaan ini berlaku apabila tidak ada orang yang mengisi status yang kosong dan sekali gus tiada yang melaksanakan peranan yang berkaitan. Apa yang mungkin berlaku ialah individu lain akan melaksanakan peranan tersebut dengan “mengisi status” yang kosong itu.

Situasi di mana ahli-ahli yang utama dalam keluarga seperti ibu-isteri dan bapa-suami tidak ada dalam keluarga merupakan satu fenomena yang makin kerap berlaku pada masa ini. Malah di Amerika Syarikat, bilangan bentuk keluarga sedemikian telah meningkat dengan pesatnya berbanding dengan keluarga-keluarga bentuk lain akibat daripada pelbagai faktor. Pola keluarga sedemikian juga meninggalkan kesan yang signifikan terhadap fungsi keluarga khususnya yang berkaitan dengan sosialisasi anak-anak. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan memperkatakan ciri-ciri dan pembentukan keluarga ibu bapa tunggal (single parent family). Hal ini penting memandangkan ada antara mereka yang menjadi ibu atau bapa tunggal atas pilihan dan kemampuan sendiri. Justeru, konsep ibu dan bapa tunggal tidak boleh dikonotasikan sebagai negatif dan bermasalah sebagaimana yang selalu difikirkan.

Bagaimana Terjadi?

Keluarga ibu bapa tunggal sebenarnya adalah keluarga ibu tunggal (single mother family) dan keluarga bapa tunggal (single father family).

A. Keluarga Ibu Tunggal

Pada masa dahulu kebanyakan keluarga ibu bapa tunggal dicirikan dengan keluarga ibu tunggal. Oleh itu tidak hairanlah konsep keluarga ibu tunggal lebih kerap digunakan berbanding dengan keluarga bapa tunggal. Konsep keluarga ibu tunggal terjadi kerana beberapa faktor seperti berikut;

a. Kematian

Lazimnya dalam kebanyakan masyarakat, jangka hayat perempuan lebih panjang daripada lelaki. Di Malaysia contohnya, jangka hayat untuk tahun 2001 bagi lelaki ialah 68.9 tahun berbanding dengan 73.6 tahun bagi perempuan. Jadi apabila suami-bapa meninggal dunia, isteri-ibu akan meneruskan kehidupan keluarga bersama anak-anak. Selain itu, nilai-nilai tradisional yang dipegang terutamanya yang berkaitan dengan jodoh pilihan ibu bapa dan penentuan takdir serta amanah Tuhan menyebabkan sebahagian besar wanita yang kematian suami tidak berkahwin lagi. Kebanyakan daripada mereka meneruskan hidup bersama anak-anak dan melaksanakan dua peranan, iaitu sebagai ibu dan bapa sekali gus. Selain itu, pandangan masyarakat bahawa lelaki bujang/duda sepatutnya berkahwin dengan anak dara turut membataskan peluang wanita yang kematian suami untuk berkahwin lagi.

Kebanyakan wanita yang kematian suami juga sering mendapat simpati daripada keluarga kedua belah pihak. Oleh itu mereka biasanya lebih mudah

meneruskan hidup bersama anak-anak walaupun tanpa suami. Tambahan pula, kebanyakan keluarga tersebut tinggal berdekatan dengan keluarga luas dan mereka dapat meneruskan tanggungjawab mengasuh dan menyara anak tanpa suami tanpa bermasalah. Sebagai contoh, mereka boleh mendapatkan bantuan dan sokongan sama ada dalam hal-hal penjagaan anak, kewangan dan lain-lain daripada ibu bapa, ibu bapa mertua dan/atau sanak saudara yang lain. Pada masa yang sama bapa dan bapa mertua (datuk) boleh menjadi model peranan orang dewasa lelaki kepada anak-anak yang ketiadaan bapa itu.

b. Perceraian

Perceraian merupakan satu lagi punca terjadinya keluarga ibu tunggal. Fenomena ini semakin bertambah pada masa ini berikutan jangkaan yang terlalu tinggi antara pasangan, terutamanya dalam hal-hal berkaitan dengan peranan sebagai suami isteri yang ideal. Apabila jangkaan tidak dipenuhi maka ada pihak yang merasa kecewa dan mahu keluar daripada hubungan tersebut. Satu daripada jalan penyelesaian yang mudah ialah dengan bercerai. Peristiwa itu menyebabkan isteri terpaksa memikul beban menjaga anak, apa lagi tugas itu sesuai dengan pandangan tradisional bahawa wanita mempunyai sifat-sifat lemah lembut dan penyayang.

Perceraian juga mudah berlaku jika perkahwinan tidak mendapat sokongan atau restu daripada ibu bapa kedua belah pihak. Jika pasangan berhadapan dengan krisis, ibu bapa biasanya tidak mahu campur tangan atas alasan mereka tidak pernah merestui perkahwinan tersebut. Oleh itu, ibu tunggal yang terjadi akibat perceraian seringkali kurang mendapat perhatian daripada keluarga terutamanya daripada keluarga bekas suami. Tambahan pula, apabila perceraian berlaku wanitalah yang selalu disalahkan kerana mereka dianggap tidak tahu

melaksanakan peranan sebagai isteri, tidak menjaga hal ehwal suami dan tidak memainkan peranan sebagai ibu.

Pada masa ini semakin ramai wanita yang tidak berpuas hati dengan perkahwinan mereka akan menuntut cerai. Tindakan itu selain daripada membolehkan mereka berkahwin lain juga turut membayangkan keupayaan mereka daripada segi ekonomi untuk menanggung hidup sendiri dan anak-anak. Selain itu mobiliti yang pesat dalam masyarakat, iaitu setiap orang berpeluang untuk bertemu dengan orang baru, membuka peluang kepada mereka menjalinkan hubungan dengan pasangan baru dan berkahwin semula atau berkahwin untuk kali kedua. Jika hal ini terus berlaku, bilangan keluarga ibu tunggal yang berlaku kerana perceraian boleh berkurangan.

c. Wanita yang Tidak Berkahwin (unwed mother)

Keadaan seperti ini berlaku akibat daripada:

i. Kehamilan Remaja (Teenage Pragnency)

Kes-kes yang dilaporkan di akhbar sejak kebelakangan ini menunjukkan bilangan remaja melahirkan anak di luar pernikahan semakin bertambah. Kehamilan dalam kalangan remaja berlaku kerana beberapa sebab. Antaranya kerana dirogol oleh ahli keluarga sendiri seperti bapa kandung, abang, datuk, bapa tiri, abang tiri, abang angkat atau sepupu. Tidak kurang juga remaja yang hamil dan melahirkan anak kerana melakukan persetubuhan haram dengan kekasih, teman lelaki atau orang yang tidak dikenali.

Memandangkan kesan yang terpaksa ditanggung oleh wanita (khususnya remaja) yang menjadi ibu tunggal kerana hamil dan melahirkan

anak di luar nikah, maka tidak hairanlah jika ramai dalam kalangan mereka enggan membesarkan anak tersebut sendiri. Ada di antara remaja berkenaan yang bertindak membuang bayi ke dalam sungai, tong sampah, dalam semak dan lain-lain. Selain itu, kebanyakan mereka ini juga tidak mendapat sokongan daripada kaum keluarga, khususnya ibu bapa sendiri. Faktor kewangan juga menyebabkan mereka tidak mahu menjaga anak tersebut kerana kebanyakan ibu muda ini baru tamat sekolah, tidak ada pekerjaan dan sumber pendapatan tetap.

Walaupun bagaimanapun, masih ada juga antara keluarga remaja berkenaan merasa belas kasihan terhadap bayi tersebut. Perasaan belas kasihan, sayang dan sifat-sifat keibuan yang ada dalam sanubari mereka itu mendorong remaja berkenaan membuat keputusan untuk membesarkan sendiri bayi yang dilahirkan itu.

ii. Pengambilan Anak Angkat

Wanita yang mengambil anak orang lain untuk dipelihara dan dijaga seperti anak sendiri semakin bertambah hari ini. Bagi kebanyakan wanita bujang yang berusia 30-an dan lebih, menjadi ibu tunggal adalah satu pilihan yang memang dibuat dan bukanlah satu gaya hidup peralihan, iaitu sementara belum berkahwin (Miller 1982 dalam Strong et. al 2001: 548). Bagi kebanyakan wanita bujang yang berkerjaya dan sudah berumur, menjadi ibu tunggal adalah satu pilihan kerana tidak bertemu jodoh yang sesuai. Mereka juga prihatin dengan berkurangnya kadar kesuburan. Ada di antara mereka ini yang mahukan anak tetapi tidak mahu bersuami. Dengan kata lain, wanita berkenaan mempunyai naluri keibuan berserta

dengan sifat-sifat pengasih dan penyayang sehingga mendorong mereka mengambil anak angkat dan memulakan hidup “berkeluarga”.

Kebanyakan wanita tidak berkahwin yang mengambil anak angkat juga berpendapatan agak stabil dan cukup untuk menanggung kos membesarkan anak termasuk kos pendidikan, perubatan dan lain-lain lagi. Anak angkat itu diharap dapat mengisi kesunyian hidup tanpa suami. Malah anak-anak itu diharap dapat menemani mereka semasa mereka tua nanti. Selain itu, langkah tersebut dilihat lebih praktikal kerana mereka mahukan kerjaya dan tidak mahu masalah dalam perkahwinan mengganggu kerjaya mereka. Jelasnya, wanita berkenaan memang tidak mahu bersuami tetapi hanya mahukan anak. Lazimnya kanak-kanak yang diambil sebagai anak angkat ini mempunyai hubungan darah dengan ibu angkatnya. Contohnya, mereka mungkin merupakan anak saudara, anak sepupu atau anak kepada saudara-mara yang jauh.

Selain daripada sebab-sebab yang dinyatakan di atas, pengambilan anak angkat juga dilakukan kerana ibu bapa yang miskin, bercerai, ibu atau bapa meninggal dunia atau kerana yatim piatu. Dalam kalangan wanita barat, mereka menjadi ibu tunggal melalui kehamilan yang dirancang, iaitu dengan memilih penderma benih untuk disenyawakan dan dikandungkan.

iii. Sebab-sebab Lain

Faktor lain yang mempengaruhi pembentukan keluarga ibu tunggal ialah perpisahan, pemenjaraan dan sakit yang lama atau hilang keupayaan.

Perpisahan – termasuk dalam kategori ini adalah wanita yang “digantung tidak bertali”, yakni yang tidak lagi diberikan nafkah oleh suami untuk

menyara kehidupannya dan anak-anak. Mereka ditinggalkan oleh suami untuk jangka masa yang lama atau yang berada dalam proses perceraian. Proses itu biasanya mengambil masa yang agak lama bergantung sikap suami dan perjalanan prosedur mahkamah.

Pemenjaraan – hukuman penjara menyebabkan suami rata-ratanya berpisah dengan keluarga untuk jangka masa yang agak lama. Jadi, pemenjaraan juga merupakan satu bentuk perpisahan kerana dalam jangka masa itu isteri terpaksa memikul beberapa peranan khususnya yang berkaitan dengan perbelanjaan keluarga, pendidikan dan sosialisasi anak-anak serta membuat keputusan untuk keluarga.

Sakit yang lama dan ketidakupayaan – sungguhpun taraf kesihatan semakin bertambah baik dan jangka hayat meningkat, terdapat juga keluarga yang berhadapan dengan masalah di mana suami/bapa mengidap penyakit yang serius, tidak berdaya atau hilang keupayaan untuk bekerja dan mencari nafkah. Sakit atau hilang keupayaan yang lama ini menyebabkan mereka tidak dapat bekerja, sekali gus sumber pendapatan utama keluarga terputus. Dalam kesulitan itu biasanya isterilah yang terpaksa keluar bekerja atau melakukan apa juga kerja-kerja produktif bagi menyara ahli keluarganya. Dengan kata lain kedua-dua fungsi instrumental dan ekspressif dilakukan oleh isteri.

B. Keluarga Bapa Tunggal

Keluarga bapa tunggal merupakan fenomena yang semakin meningkat kini. Sebab-sebab terjadi adalah seperti yang berikut;

a. Perceraian

Scrombe dan Warner (2004 :347) yang memetik tulisan Grief (1995), Hamer dan Marchioro (2002) serta Roy (1999) menyebut bahawa, kebanyakan keluarga bapa tunggal terjadi kerana perceraian. Mereka ini mendapat hak penjagaan anak kerana;

- i. Ibu tidak mampu dari segi kewangan untuk menyara anak,
- ii. Ibu didapati tidak layak baik daripada segi fizikal mahupun psikologikal,
- iii. Ibu sememangnya tidak mahu tanggungjawab menjaga anak sepenuhnya,
- iv. Bapa yang mahu terus aktif terlibat dalam kehidupan anak-anaknya, dan
- v. Anak-anak meminta untuk tinggal dengan bapa setelah kedua ibu bapa mereka bercerai.

b. Kematian

Sejak dahulu kebanyakan tempat di dunia memperlihatkan bahawa jangka hayat bagi wanita lebih panjang daripada lelaki. Oleh itu bilangan lelaki yang menjadi bapa tunggal akibat kematian isteri agak kecil bilangannya berbanding dengan keluarga ibu tunggal akibat kematian suami. Walau bagaimanapun bilangan wanita yang mati kerana melahirkan anak adalah tinggi pada masa dahulu berbanding dengan masa kini. Akan tetapi oleh sebab lelaki selalu dianggap tidak mampu menjaga anak kerana peranannya yang lebih penting ialah mencari nafkah bagi menyara keluarga maka lelaki yang kematian suami akan berkahwin semula.

Kecenderungan ini agak tinggi dalam kalangan lelaki yang masih muda dan mempunyai anak-anak yang masih kecil. Perkahwinan semula bagi lelaki yang kematian isteri itu dianggap boleh menyelesaikan masalah penjagaan anak. Isteri yang baru diharapkan agar dapat menjaga anak-anak yang masih kecil. Ini menyebabkan tempoh mereka menduda dan menjadi bapa tunggal tidaklah lama.

Kini, bilangan keluarga bapa tunggal kerana kematian mungkin berbeza-beza antara satu tempat dengan tempat lain dan juga berbeza dalam masyarakat. Hal ini mempunyai kaitan dengan persepsi berhubung dengan tanggungjawab atau peranan mengikut gender; iaitu tugas menguruskan rumah tangga dan menjaga anak adalah tanggungjawab kaum wanita sementara tugas lelaki pula ialah mencari nafkah melalui pekerjaan di luar rumah. Oleh itu apabila isteri meninggal dunia suami “mesti” berkahwin lagi agar tugas menguruskan rumah tangga dan menjaga tidak terabai.

Dalam kehidupan sekarang, pelbagai kemudahan telah ada dalam masyarakat. Perkhidmatan penjagaan atau asuhan anak membolehkan bapa meneruskan kerjanya di samping memikul tanggungjawab membesarkan anak. Mereka boleh menghantar anak ke pusat penjagaan atau menggunakan khidmat pengasuh/pembantu rumah untuk menjaga anak semasa dia keluar bekerja. Pembantu rumah juga boleh diambil untuk menguruskan rumah tangga, menyediakan makan minum, membersihkan, mencuci dan mengemas rumah serta peranan lain yang sepatutnya dilakukan oleh isteri. Malah jika dia mempunyai isteri pun belum tentu tugas itu dilaksanakan sepenuhnya oleh isteri memandangkan kebanyakan para isteri masa kini mempunyai kerja di luar rumah dan mereka banyak bergantung kepada khidmat pembantu rumah.

Jika anak-anak sudah besar, bapa mereka boleh meminta anak-anak menguruskan diri sendiri di samping berkongsi tugas rumah tangga bersama adik-beradik lain. Selain itu, kemudahan-kemudahan yang terdapat di pasaran seperti khidmat penyajian makanan, restoran dan pelbagai lagi turut membantu ramai bapa tunggal menguruskan keluarga sendiri. Pola sosialisasi peranan mengikut gender yang semakin kurang ditekankan sekarang menyebabkan makin ramai lelaki yang berkemampuan menguruskan diri sendiri, menjaga anak, menguruskan rumah tangga dan keluarga.

c. Lelaki yang tidak berkahwin

Menurut Scrombe dan Warner (2004: 346), satu pertiga daripada lelaki yang menjadi bapa tunggal adalah mereka yang tidak pernah berkahwin dengan ibu kepada anak yang dipeliharanya. Dengan kata lain mereka menjadi bapa kepada anak yang dilahirkan hasil daripada perhubungan luar nikah. Banci di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa bapa yang tidak berkahwin yang tinggal dengan anak meningkat lebih dua kali ganda antara tahun 1980 dan 1992.

Selain daripada menjadi bapa kepada anak yang dilahirkan kerana perhubungan seks luar nikah, bilangan lelaki yang mengambil anak angkat juga meningkat. Sebagaimana wanita, lelaki mengambil anak angkat kerana ia merupakan salah satu daripada pilihan yang ada untuk hidup berkeluarga.

C. Penutup

Keluarga ibu dan bapa tunggal selalu dianggap negatif dalam konteks pandangan popular. Keluarga berkenaan selalu dikaitkan sebagai keluarga berantakan atau berpecah-belah (broken family). Hal ini mempunyai kaitan dengan pandangan tradisional terhadap keluarga. Sebuah keluarga yang bahagia adalah keluarga nuklear yang terdiri daripada pasangan suami isteri dan anak-anak. Justeru keluarga yang tidak ada ibu atau bapa akan dilihat sebagai keluarga yang tidak lengkap dan sekali gus tidak bahagia.

Di seluruh dunia kini, keluarga ibu dan bapa tunggal sedang meningkat dengan pesatnya dari setahun ke setahun (Burns Dan Scott 1994 dalam Strong et. al. 2001: 545). Ini menjadikan pandangan terhadap keluarga ibu dan bapa tunggal juga telah berubah. Apa lagi semakin ramai wanita dan lelaki menjadi ibu dan bapa tunggal atas pilihan sendiri. Mereka memilih untuk menjaga anak walaupun anak-anak itu tidak sah taraf. Malah ada yang sanggup mengambil anak orang lain sebagai anak angkat. Selain itu keperihatinan lelaki dalam hal-hal berkaitan dengan penjagaan anak dan kebajikan mereka turut mendorong ramai lelaki memikul tanggungjawab menjaga anak sendiri selepas bercerai. Kesemua itu berkait rapat dengan stereotaip peranan gender yang semakin berkurangan.

Artikel ini telah melihat kepelbagaian bentuk keluarga ibu dan bapa tunggal kerana sebab-sebab pembentukan yang berbeza. Berhubung dengan hal itu, tidak dapat tidak keluarga berkenaan berhadapan dengan masalah dan cabaran yang berbeza. Justeru, ibu dan bapa tunggal mestilah mempunyai kemahiran dan sumber-sumber lain untuk berurusan dengan keluarga masing-masing. Selain itu, sebarang polisi untuk membantu keluarga berkenaan juga harus difahami dalam konteks bagaimana keluarga berkenaan terbentuk.

Akhir sekali, melihat kepada kepelbagaian bentuk keluarga berkenaan maka konsep yang selalu digunakan untuk keluarga itu juga perlulah tepat. Konsep yang dipakai kini tidak sesuai dan perlu diperbaiki. Ini kerana, kebanyakan penulis menterjemahkan konsep *single parent family* kepada “keluarga induk tunggal”. Dalam Bahasa Malaysia itu tampaknya tidaklah sesuai apabila “induk” itu maknanya “ibu (terutama bagi binatang), emak” atau kata ibaratnya sebagai “yang terutama, yang besar, yang menjadi pokok (asal, punca)”, sementara “perinduk” atau “seperinduk” adalah “semua yang berasal daripada satu ibu atau satu induk; sekeluarga” (*Kamus Dewan* Edisi Ke-3 1994: 489-490), manakala “tunggal” bermaksud ‘tidak ada yang lain lagi, itulah sahaja satu-satunya’ (*Kamus Dewan* Edisi Ke-3 1994: 1492). Justeru menggunakan istilah “keluarga induk tunggal” bagi “single parent family” tentulah tidak kena, kerana istilah itu seolah merujuk kepada keluarga ibu tunggal sahaja dan keluarga bapa tunggal tidak termasuk dalam kategori ini. Sehubungan itu, keluarga ibu tunggal dan/atau keluarga bapa tunggal tentulah lebih tepat jika disebut sebagai keluarga ibu bapa tunggal atau keluarga tunggal sahaja.

BIBLIOGRAFI

Kamus Dewan Edisi Ke-3, 1994. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Rohaty Mohd. Majzub & Muhammad Rais Abdul Karim, 1999. *Ibu Tunggal: Menelusuri Rintangan Hidup dengan Keyakinan*. Kuala Lumpur: Pelanduk

Scrombe, k. & Warner, R.L., 2004. *Marriages and Families: Relationships in Social Context*. Singapore: Thomson.

Strong, B. et. al., 2001. *The Marriage and Family Experience: Intimate Relationships in a Changing World*, 8th edn. Singapore: Thomson.

